

Di Manakah Hilangnya Kesantunan Berbahasa?



Bahasa dalam dunia lakonan juga mempengaruhi pemikiran penonton.

Kesantunan bahasa dalam berkomunikasi sememangnya dititikberatkan oleh masyarakat kita, terutamanya orang Melayu. Nilai budi bahasa inilah menjadi adat dan amalan orang Melayu yang sememangnya amat selari dengan tuntutan ajaran Islam. Namun, nilai ini seakan-akan hilang ditelan arus kemodenan dan segala kempen yang dianjurkan oleh kerajaan berkaitan dengan budi bahasa seolah-olah sekadar dipandang sebelah mata. Adakah kita terbawa-bawa oleh pemikiran luar atau terpengaruh dengan filem tempatan yang menggunakan bahasa kasar, bahasa pasar dan bahasa rojak? Di manakah hilangnya kesantunan bahasa yang penting dalam bahasa Melayu dan juga tonggak keharmonian hidup masyarakat Malaysia?

Kesantunan bahasa umumnya merujuk tutur kata, kelakuan, sopan santun, tatatertib, akal kebijaksanaan dan perbuatan kebajikan yang tercantum dalam kata mulia, gerak laku, tutur kata, tatahidup, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain. Budi juga dikaitkan dengan sifat baik, perbuatan baik atau kebajikan. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan dalam buku yang bertajuk *Tesaurus Bahasa Melayu* mentakrifkan budi bahasa sebagai etika, adab, sopan santun, akhlak yang beradab dan berbahasa.

Secara umumnya, kesantunan bahasa merujuk penggunaan bahasa untuk menimbulkan hubungan baik antara manusia dengan manusia yang fungsinya untuk menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Awang Sariyan dalam bukunya, *Santun Berbahasa* menyatakan kaum Melayu amat terkenal dengan sistem nilai yang bertunjukkan kesopanan dan kesantunan baik dalam aspek lisan, tulisan mahupun perbuatan. Keunikan ini amat berkait rapat dengan ajaran Islam kerana hubungan antara kedua-duanya telah terjalin rapat dan terikat kemas.

Dalam Islam, kesantunan bahasa juga merujuk akhlak diri seseorang. Menerusi hadis riwayat Tirmidzi, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah benci kepada orang yang jelik budi pekertinya serta kotor lidahnya". Baginda juga menyebut Muslim yang berakhlak mulia sebagai manusia terbaik. Menurut hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, baginda bersabda, "Sesungguhnya yang terbaik antara kalian adalah yang paling baik akhlaknya". Kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan kesantunan bahasa sebagai elemen yang menyempurnakan keislaman seseorang selain akidah dan syaria.

Dalam usaha kita melangkah untuk mengejar status negara maju, kesantunan bahasa dilihat semakin terhakis dan hilang dalam diri masyarakat Malaysia, terutamanya generasi muda. Harus diingat bahawa sistem nilai dalam masyarakat merupakan antara kayu ukur dan tanda aras untuk menjadi sebuah negara maju. Hal yang sedemikian ini selaras dengan bangsa Malaysia, terutamanya orang Melayu yang sekian lama dilabel sebagai bangsa yang kaya dengan budi bahasa. Namun begitu, masyarakat pada masa ini lupa pada budi bahasa, bercakap kasar, tidak menghormati orang lain, mementingkan diri dan pelbagai lagi sikap yang tidak mencerminkan kesantunan berbahasa.

Masyarakat hari ini cenderung mengikut kata hati dan melontarkan apa-apa sahaja yang terlintas dalam pemikiran mereka sehingga lupa atau gagal untuk mematuhi tatacara komunikasi yang baik dan sopan. Golongan muda khususnya lebih gemar menggunakan




Terdapat gaya pengucapan yang tanpa sedar sebenarnya boleh menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi lisan dua hala. Sebagai contohnya, frasa "tau tak pe". Frasa tersebut jika diteliti menggambarkan sikap sombong secara tidak langsung.



panggilan ringkas seperti "gua", "bro" dan "beb" berbanding dengan menggunakan kata ganti nama yang lebih sopan seperti "awak", "saudara" dan "anda". Situasi ini menggambarkan bahawa masyarakat Malaysia terikut-ikut pengaruh luar dan mengetepikan bahasa Melayu yang mempunyai sistem sapaan yang lebih baik dan sopan.

Menurut Zuraidah Sulaiman dalam makalahnya yang bertajuk "Hilang Budaya Santun", budaya, nilai dan corak pemikiran tidak mampu lagi dicorakkan oleh bangsanya sendiri sekiranya bahasa ibunda menjadi cacamarba. Bukan itu sahaja, terdapat gaya pengucapan yang tanpa sedar sebenarnya boleh menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi lisan dua hala. Sebagai contohnya, frasa "tau tak pe". Frasa tersebut jika diteliti menggambarkan sikap sombong secara tidak langsung, terutamanya jika perbuatan tersebut melibatkan dua orang individu daripada peringkat umur yang berbeza.

Ketidaksantunan bahasa juga berlaku di jalan raya. Kata kesat berserta isyarat lucah dilemparkan kepada pemandu lain bagi melepaskan kemarahan, terutama apabila ada pemandu yang memotong tanpa memberikan tanda isyarat hendak memotong ataupun pemandu yang hilang kesabaran akibat kesesakan jalan raya. Hilangnya kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakat juga dapat dilihat semasa melakukan urusan



Kepesatan teknologi maklumat menyebabkan masyarakat hilang nilai kesantunan budi bahasanya.

jual beli dan urusan di kaunter perkhidmatan awam. Sebagai barisan hadapan dalam perkhidmatan awam, pekerja yang berkhidmat di bahagian kaunter seharusnya mempamerkan tingkah laku yang berbudi bahasa kerana mereka menggambarkan imej keseluruhan pekerja awam. Namun, acap kali kedengaran cakap-cakap kurang manis kerana hilangnya kesantunan bahasa apabila berkomunikasi dengan pelanggan selain tiada senyuman mesra terukir di bibir.

Kesantunan bahasa tidak lagi menjadi sebahagian daripada budaya kita jika dilihat dalam media sosial. Pada masa ini, pengguna media sosial sewenang-wenangnya menggunakan kata kesat secara meluas selain menyebabkan fitnah dan melemparkan tohmahan tanpa usul periksa. Kepesatan teknologi menjadikan masyarakat Malaysia semakin hilang nilai budi bahasanya dan tidak menghormati orang lain. Hal ini berlaku kerana tiada rasa segan silu disebabkan kita saling tidak mengenali antara satu sama lain.

Menurut Hashim Musa dalam kertas kerjanya bertajuk "Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21", keperibadian dan pembentukan sahsiah diri atau jati diri dalam masyarakat Melayu amat penting untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhlak dan berbudi. Penerapan amalan kesantunan berbahasa dan nilai murni dalam diri masyarakat Malaysia di tengah arus pemodenan yang pesat serta perubahan gaya hidup merupakan cabaran utama pada masa ini. Pelbagai pihak dapat bertindak sebagai ejen sosialisasi bagi membentuk struktur masyarakat yang memiliki kesantunan bahasa dan usaha kolektif daripada segenap lapisan masyarakat amat diperlukan untuk mencapai matlamat ini.

Keluarga terutamanya ibu bapa merupakan ejen masyarakat utama yang menggalas tanggungjawab

“
Jika anak menyebut perkataan yang agak kasar, kesat dan kurang sesuai, ibu bapa seharusnya menegur mereka secara berhemah dan mengesyorkan kata yang lebih sesuai untuk digunakan dalam situasi tersebut.”

yang berat ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pada usia awal individu, peruntukan masa mereka banyak dihabiskan dengan keluarga. Oleh sebab itu, nilai murni dan kesantunan berbahasa sewajarnya diterapkan dengan sempurna kepada anak muda sejak kecil lagi agar mereka tidak hanyut dibawa arus kemodenan dunia. Namun demikian, sistem kekeluargaan masyarakat kini dilihat lebih bersifat materialistik yang sedikit banyak menyumbang kepada hilangnya kesantunan bahasa. Kesibukan ibu bapa menyebabkan tiadanya komunikasi antara mereka yang mendorong anak menghabiskan masa melayari media sosial.

Kebanyakan bahasa yang digunakan dalam media sosial adalah tidak bertapis dan kasar menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan bentuk dan gaya bahasa yang tidak sopan. Mohammed Harun dalam tulisannya bertajuk "Asuhan Berbahasa Santun di Rumah" menyarankan ibu bapa perlu mengaktifkan semula budaya bercerita, berdongeng dan bersembang-sembang dengan anak sebagai satu kaedah mendidik dan mengasuh anak menggunakan bahasa yang santun. Jika anak menyebut perkataan yang agak kasar, kesat dan kurang sesuai, ibu bapa seharusnya menegur mereka secara berhemah dan mengesyorkan kata yang lebih sesuai untuk digunakan dalam situasi tersebut.

Namun demikian, kesantunan bahasa masih lagi wujud dalam budaya rakyat Malaysia, tetapi nilainya dilihat sedang terhakis sedikit demi sedikit. Apabila menjunjung prinsip kelima Rukun Negara, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan, maka seharusnya kita kembalikan semua kemegahan kita yang menjunjung tinggi prinsip kesantunan bahasa dalam komunikasi seharian masyarakat Malaysia. Jadi, usah ragu-ragu untuk mengamalkan kesantunan bahasa dalam kehidupan harian. **PA**